



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI & BUDAYA MALAYSIA



# **GARIS PANDUAN**

## **GERAN PADANAN**

### **PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

#### **(GPPSB)**

**2022**

**FASA PEMULIHAN NEGARA**

**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA &  
LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA  
(LPPM)**

# LAMPIRAN B

## GERAN SEPADAN SEKTOR KEBUDAYAAN (GSSK) 2022

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

1. LATAR BELAKANG	3
2. TUJUAN / OBJEKTIF	3
3. KELAYAKAN PEMOHON	4
4. SILING PERUNTUKAN	4
5. KAEDAH PENYALURAN	5
6. SKOP PERMOHONAN	5
7. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	7
8. TANGGUNGJAWAB PEMOHON	10
9. PENYALURAN GERAN DAN TUNTUTAN	11
10. SENARAI SEMAK	14 / 15

## 1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) merupakan inisiatif Kerajaan yang diumumkan melalui Bajet 2022 pada 29 Oktober 2021 di bawah Pelan Pemulihan Pelancongan MOTAC bagi memastikan ekosistem kesenian dan kebudayaan di negara ini terus kekal berdaya saing dan diperkasa susulan penularan pandemik Covid-19.
- 1.2 Inisiatif ini dirangka bagi membantu para penggiat industri dari pelbagai sektor dan latar belakang dalam penganjuran program/ acara seni budaya yang berimpak tinggi pada tahun 2022.
- 1.3 Pelaksanaan GSSK adalah menggunakan peruntukan *one-off* di bawah MOTAC pada tahun 2022.

## 2. TUJUAN / OBJEKTIF

- 2.1 Menyemarakkan dan merancakkan semula sektor kebudayaan sebagai langkah pemulihan sektor ini yang terjejas susulan penularan wabak pandemik Covid-19.
- 2.2 Memastikan industri kebudayaan terus berdaya saing dengan memberi sokongan dan bantuan (insentif) kepada para penggiat industri sebagai penggerak ekosistem kesenian dan kebudayaan negara.

### 3. KELAYAKAN PEMOHON

3.1 Pihak yang layak memohon GSSK MOTAC adalah seperti berikut:

- i. Persatuan Seni, Budaya dan Warisan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966;
- ii. Pertubuhan Bukan Berasaskan Keuntungan (NPO) seni, budaya dan warisan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966;
- iii. Syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016;
- iv. Koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993; dan
- v. Lain-lain entiti berdaftar dengan Kerajaan dan diiktiraf oleh MOTAC.

### 4. SILING PERUNTUKAN

4.1 Jumlah peruntukan maksimum GSSK MOTAC yang boleh dipertimbangkan adalah sebanyak RM500,000 (RINGGIT MALAYSIA LIMA RATUS RIBU SAHAJA) bagi satu (1) penganjuran program dan acara sahaja dalam tahun 2022.

4.2 Penganjur dibenarkan memohon lebih dari satu (1) penganjuran program/ acara pada tahun semasa (2022), tetapi setiap permohonan PERLU MEMPUNYAI KONSEP DAN PENGISIAN YANG BERBEZA.

## 5. KAEDAH PENYALURAN

5.1 Pemberian GSSK MOTAC dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu NGO/NPO dan Syarikat seperti berikut:

Bil.	Perkara	NGO/ NPO	Syarikat
i.	Siling Peruntukan	Maksimum sehingga 90% daripada kos anggaran perbelanjaan keseluruhan	Maksimum sehingga 80% daripada kos anggaran perbelanjaan keseluruhan
ii.	Maksimum Pembiayaan	RM500,000.00 (RINGGIT MALAYSIA LIMA RATUS RIBU SAHAJA)	
iii.	Kadar penyaluran	Penyaluran pertama/ deposit sehingga 80% daripada jumlah kelulusan sebelum sesuatu program/ acara bermula, manakala baki akan disalurkan selepas MOTAC menerima dokumen-dokumen lengkap daripada pemohon.	

## 6. SKOP PERMOHONAN

6.1 Penganjuran program dan acara yang dirancang hendaklah bersesuaian dan selaras dengan bidang keutamaan, dasar serta objektif MOTAC dalam merangsang dan memberikan faedah kepada industri. Pelaksanaan program dan acara

adalah dalam bentuk fizikal, digital dan hibrid bergantung kepada situasi tahap semasa pandemik Covid-19 negara.

- 6.2 Konsep dan kandungan program dan acara yang tidak boleh bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia atau menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan permasalahan dan menggugat ketenteraman negara seperti isu agama, perkauman dan politik.
- 6.3 Bidang-bidang seni, budaya dan warisan yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:
- i) Seni Tarian;
  - ii) Seni Muzik;
  - iii) Seni Lakon (teater, filem dan drama);
  - iv) Kraf;
  - v) Seni Mempertahankan Diri;
  - vi) Adat dan Budaya (adat istiadat, busana/kostum, kulinari, permainan tradisi dan perubatan tradisi);
  - vii) Seni Halus (seni lukis, seni hias, anyaman/sulaman manik/tekad, ukiran, pertukangan, khat dan kaligrafi, seni bina serta lanskap);
  - viii) Bahasa dan Kesusasteraan (tulisan jawi, sastera rakyat/lagu dan cerita rakyat, sajak, gurindam, pantun, syair dan teromba); dan
  - ix) Audio Visual dan Media Interaktif (grafik, pameran, teknologi maklumat, seni foto dan media sosial).

6.4 Bentuk program dan acara seni, budaya dan warisan yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) Pameran/ Ekspo/ Festival;
- ii) Pementasan/ Persembahan;
- iii) Pertandingan;
- iv) Persidangan/ Seminar/ Bengkel/ Simposium/ Kolokium;
- v) Penerbitan/ Rakaman/ Pendokumentasian/ Pendigitalan; dan
- vi) Program-program lain seumpamanya yang diiktiraf oleh MOTAC.

## 7. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

7.1 Pemohon perlu mempunyai pendaftaran yang sah dan hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

### i. Syarikat dan Organisasi Swasta

Dokumen mengenai maklumat pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti:

- a) *Corporate Information;*
- b) *Summary of Share Capital;*
- c) *Directors / Officers;*
- d) *Shareholder / Members;*
- e) *Company Charges; dan*
- f) *Summary of Financial Information*



- g) Laporan Penyata Kewangan Terkini ATAU '*Management Account*' bagi yang beroperasi enam (6) bulan.
- ii. Persatuan bukan Kerajaan (NGO) Tempatan
- a) Borang 3, Akta Pertubuhan 1966; atau
- b) Borang Pendaftaran Badan Sukan / yang berkaitan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 (untuk Persatuan berkaitan sukan).

## 7.2 Kertas Cadangan

- i. Setiap permohonan perlu dihantar kepada Urus setia menggunakan surat rasmi syarikat / Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) beserta butiran maklumat mengikut format berikut:
- a. Tajuk Program / Acara;
- b. Latar Belakang Program / Acara;
- c. Objektif Program / Acara;
- d. Komponen acara seperti cadangan tarikh, tempat dan lain-lain;
- e. Kumpulan sasaran (Domestik & Antarabangsa):
- Jumlah peserta; dan
  - Jumlah pengunjung
- f. Kaedah Pelaksanaan Program / Acara; dan
- Promosi/Publisiti/Pengiklanan

- Anggaran Perincian Perbelanjaan (perlu jelas)
  - **ROI (jelas dan “*quantified*”)**
- g. Senarai terimaan bantuan dari pihak lain (jika ada)
- ii. Kertas cadangan perlu dikemukakan di dalam Bahasa Melayu ATAU Bahasa Inggeris.
- iii. Bagi kertas cadangan yang lengkap, penganjur akan dihubungi untuk tujuan pembentangan kepada Jawatankuasa Panel Penilaian Awal (JKPPA).

7.3 Surat Aku Janji GSSK MOTAC yang diisi dan ditandatangani oleh pemohon. Format Surat Aku Janji GSSK MOTAC adalah seperti di Lampiran (i).

7.4 Perjanjian Bertulis & Kontrak Rasmi

- i. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PK4.2); bagi kelulusan penganjuran program / acara bernilai sehingga RM500,000.00, MOTAC akan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada pihak penganjur beserta syarat dan terma yang dipersetujui bersama.
- ii. Surat Setuju Terima (SST) yang telah ditanda tangani adalah MUKTAMAD dan sebarang perubahan pada syarat dan terma termasuk tarikh, lokasi dan konsep program / acara tanpa alasan yang munasabah adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

## 7.5 Permohonan Yang Tidak Dipertimbangkan

- i. Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan;
- ii. Badan Bukan Kerajaan, Pertubuhan Bukan Berasaskan Keuntungan (NPO) dan Syarikat yang tidak berdaftar dengan Kerajaan;
- iii. Pertubuhan politik;
- iv. Individu/orang perseorangan;
- v. Mana-mana entiti yang telah disenaraihitamkan oleh pihak Kerajaan;
- vi. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MOTAC;
- vii. Permohonan yang telah menerima peruntukan/bantuan kewangan daripada MOTAC atau agensi-agensi di bawah MOTAC; dan
- viii. Permohonan bagi penganjuran program/acara yang sedang berlangsung atau telah tamat.

7.6 Setiap permohonan akan melalui Jawatankuasa Panel Penilaian Awal (JKPPA) dan Jawatankuasa Panel Pelulus (JKPP) Sektor Kebudayaan untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum diangkat kepada Pegawai Pengawal Kementerian bagi pengesahan kelulusan.

7.7 Tempoh pelaksanaan program / acara yang diluluskan adalah sehingga 31 Oktober 2022 dan sebarang

pelanjutan tempoh pelaksanaan selepas tarikh tersebut adalah TIDAK DIBENARKAN.

- 7.8 Tarikh akhir penerimaan permohonan beserta kertas cadangan dan tempoh pemprosesan adalah 60 hari sebelum pelaksanaan program/ acara.

## 8. TANGGUNGJAWAB PEMOHON

### 8.1 Semasa Program / Acara Berlangsung

- i. Pemohon hendaklah memastikan pelaksanaan dan penganjuran program / acara mengikut syarat-syarat dan terma yang telah dipersetujui bersama;
- ii. Pemohon hendaklah sentiasa membudayakan norma baharu dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan sebagai memperkasa usaha memerangi penularan wabak Covid-19; dan
- iii. Pemohon hendaklah memastikan tidak berlaku penyalahgunaan dalam apa jua bentuk selain dari tujuan asal permohonan.

### 8.2 Selepas Program / Acara Berlangsung

- i. Pemohon hendaklah mengemukakan laporan komprehensif bergambar dalam tempoh 30 hari selepas program / acara selesai;

- ii. Pemohon hendaklah memastikan kualiti penganjuran program / acara diambil kira sebagai ROI; dan
- iii. Pemohon hendaklah melaporkan indeks, *ratio* dan *survey* program / acara (sekiranya perlu).

## 9. PENYALURAN GERAN & TUNTUTAN

9.1 Penyaluran pertama / deposit sehingga 80% daripada jumlah kelulusan akan disalurkan kepada pemohon sebelum sesuatu program/ acara bermula, manakala baki akan disalurkan selepas MOTAC menerima dokumen-dokumen lengkap yang berkaitan daripada pihak pemohon.

9.2 Dokumen-dokumen lengkap adalah seperti berikut:

- i. Surat makluman penghantaran Laporan Penganjuran Program/ Acara;
- ii. Laporan Akhir Penganjuran Program/ Acara yang mengandungi perkara-perkara berikut:
  - a. Butiran Program
    - nama program;
    - penganjur;
    - rakan strategik;
    - tarikh penganjuran;
    - lokasi penganjuran; dan
    - perasmii (nama penuh dan jawatan).
  - b. Jumlah penglibatan/ penyertaan secara fizikal

- Jumlah anggota pekerja/urus setia;
  - Jumlah peserta
  - Jumlah pengunjung/penonton
- c. Jumlah penglibatan/ penyertaan secara dalam talian
- Jumlah penonton (*Viewer*);
  - Jumlah *reach*;
  - Jumlah *engagement*;
  - Jumlah *share*; dan
  - Jumlah komen.
- d. Perbelanjaan sebenar program
- Setiap perbelanjaan yang dilaporkan perlu disokong dengan dokumen yang berkaitan seperti resit, baucar, invois dan sebagainya.
  - Baki peruntukan atau tanggungan perlu dinyatakan selepas peruntukan ditolak dengan perbelanjaan sebenar bagi tujuan rekod urus setia.
- e. Prestasi/ Pencapaian
- Ulasan terhadap perancangan, pelaksanaan dan impak terhadap aktiviti/program yang dijalankan berdasarkan ulasan dan penglibatan peserta, pengunjung, penonton, liputan media dan sebagainya.
  - *Return of Investment (ROI)*

- iii. Laporan Perbelanjaan yang lengkap dengan butiran perbelanjaan (disertakan bil/ invois/ resit), keuntungan dan baki yang diperoleh;
- iv. Buku Aturcara Program;
- v. Salinan gambar-gambar sepanjang program/ aktiviti beserta *caption*;
- vi. Dokumen sokongan tambahan yang berkaitan (sijil, sorotan akhbar dan lain-lain berkaitan); dan
- vii. Surat Setuju Terima (SST) yang ditandatangani beserta syarat dan terma yang dipersetujui bersama.

## 10. SENARAI SEMAK PERMOHONAN

BIL.	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	SURAT PERMOHONAN RASMI	<input type="checkbox"/>	
2.	BORANG PERMOHONAN	<input type="checkbox"/>	
3.	KERTAS KERJA CADANGAN PROGRAM/ ACARA	<input type="checkbox"/>	
4.	SALINAN SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT/ NGO/ NPO /KOPERASI /LAIN-LAIN TERKINI	<input type="checkbox"/>	
5.	SURAT AKU JANJI	<input type="checkbox"/>	
6.	SALINAN PENYATA AKAUN BANK YANG DISAHKAN BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR (NGO/NPO/KOPERASI /LAIN-LAIN) / SALINAN PENYATA AKAUN YANG TELAH DIAUDIT ( <i>CERTIFIED AUDITOR</i> ) BAGI TIGA (3) TAHUN TERAKHIR (SYARIKAT)	<input type="checkbox"/>	
7.	PROFIL SYARIKAT/ NGO/ NPO/ KOPERASI / LAIN-LAIN	<input type="checkbox"/>	
8.	SURAT SOKONGAN BAHAGIAN/ JABATAN/ AGENSI MOTAC YANG BERKAITAN	<input type="checkbox"/>	



## 11. SENARAI SEMAK TUNTUTAN

BIL.	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	SURAT PEMAKLUMAN RASMI	<input type="checkbox"/>	
2.	LAPORAN AKHIR	<input type="checkbox"/>	
3.	LAPORAN PERBELANJAAN	<input type="checkbox"/>	
4.	BUKU ATURCARA PROGRAM	<input type="checkbox"/>	
5.	SALINAN GAMBAR-GAMBAR, BUKU PENERBITAN, RAKAMAN ( <i>USB PENDRIVE</i> ) ATAU LAIN-LAIN	<input type="checkbox"/>	

**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)**  
**GERAN SEPADAN SEKTOR KEBUDAYAAN (GSSK) 2022**  
**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA (MOTAC)**

---

1. Siapakah yang layak memohon Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2022 MOTAC?
  - Berikut merupakan entiti yang layak memohon Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2022 MOTAC
    - i. Persatuan seni, budaya dan warisan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966;
    - ii. Pertubuhan Bukan Berasaskan Keuntungan (NPO) seni, budaya dan warisan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966;
    - iii. Syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016;
    - iv. Koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993; dan
    - v. Lain-lain entiti berdaftar dengan Kerajaan dan diiktiraf oleh MOTAC.
  
2. Apakah bentuk program dan acara yang boleh dilaksanakan di bawah Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2022 MOTAC?
  - Program dan acara yang boleh dilaksanakan adalah di bawah bidang seni, budaya dan warisan seperti berikut
    - i. Pameran/ Ekspo/ Festival;
    - ii. Pementasan/ Persembahan;
    - iii. Pertandingan;
    - iv. Persidangan/ Seminar/ Bengkel/ Simposium/ Kolokium;
    - v. Penerbitan/ Rakaman/ Pendokumentasian/ Pendigitalan; dan
    - vi. Program-program lain seumpamanya yang diiktiraf oleh MOTAC.
  
3. Berapakah nilai maksimum peruntukan yang boleh dimohon di bawah Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2022 MOTAC?
  - Jumlah peruntukan maksimum Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2022 MOTAC yang boleh dipertimbangkan adalah sebanyak **RM500,000 (LIMA RATUS RIBU RINGGIT SAHAJA)** bagi satu (1) penganjuran program dan acara sahaja dalam tahun 2022. Walau bagaimanapun, penganjur dibenarkan memohon lebih dari satu (1) penganjuran program/ acara pada tahun semasa (2022) tetapi setiap setiap permohonan perlu mempunyai konsep dan pengisian yang berbeza.
  
4. Bilakah tempoh permohonan Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2022 MOTAC dan pelaksanaan program dan acara?
  - Tempoh permohonan adalah bermula dari 1 April hingga 31 Ogos 2022 manakala pelaksanaan program dan acara yang diluluskan bermula dari 1 Mei hingga 30 November 2022.

5. Adakah setiap penganjuran program dan acara layak menerima jumlah peruntukan sepertimana yang dimohon?
- Jumlah peruntukan yang layak disalurkan kepada setiap permohonan berdasarkan ketetapan berikut:

NGO/NPO	Syarikat
Maksimum sehingga 90% daripada kos anggaran perbelanjaan keseluruhan	Maksimum sehingga 80% daripada kos anggaran perbelanjaan keseluruhan

- Baki peratusan/ peruntukan yang tidak disalurkan perlu dibiayai sendiri oleh pemohon/ penganjur.
6. Bagaimanakah kaedah penyaluran peruntukan setelah permohonan diluluskan?
- Penyaluran pertama/ deposit sehingga 80% daripada jumlah keseluruhan sebelum sesuatu program dan acara bermula, manakala baki akan disalurkan selepas MOTAC menerima dokumen lengkap daripada pemohon.
7. Bagaimana kaedah bagi mengemukakan permohonan Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2022 MOTAC
- Setiap permohonan yang lengkap perlu dikemukakan kepada MOTAC melalui alamat dan emel seperti di bawah:

**Urus Setia**

**Geran Padanan Pelancongan, Seni & Budaya (GPPSB)  
 Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia)  
 Bahagian Perancangan Strategik,  
 Aras 2, No.2, Menara 1,  
 Jalan P5/6, Presint 5,  
 62200 Putrajaya**

**E-mel kepada:**

[gspsb@tourism.gov.my](mailto:gspsb@tourism.gov.my)

**Talian Untuk Dihubungi:**

**03-8891 8191 / 8196 / 8232**

- Borang permohonan dan senarai semak dokumen boleh didapati di laman sesawang [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my)

8. Sekiranya program dan acara yang telah diluluskan tidak dapat dilaksanakan (contohnya: arahan oleh MKN atau KKM), adakah pemohon/ penganjur perlu mengembalikan peruntukan yang telah disalurkan?
  - Ya, pihak pemohon/ penganjur perlu mengembalikan jumlah peruntukan yang masih belum dibelanjakan dan bukti perbelanjaan yang telah dibuat.
9. Adakah program dan acara yang akan dianjurkan di luar negara layak memohon Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2022 MOTAC?
  - Tidak, hanya penganjuran program dan acara di Malaysia yang layak memohon.
10. Adakah program dan acara yang akan dilaksanakan pada tahun-tahun hadapan layak memohon Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2022 MOTAC?
  - Tidak, hanya penganjuran program dan acara pada tahun 2022 sahaja yang layak memohon.
11. Adakah bantuan kewangan bagi tujuan kebajikan atau pentadbiran (contoh: perbelanjaan tiket penerbangan atau penginapan) layak memohon Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2022 MOTAC
  - Tidak, hanya penganjuran program dan acara sahaja yang layak memohon.

**SURAT AKU JANJI  
GERAN SEPADAN SEKTOR KEBUDAYAAN (GSSK)  
TAHUN 2022  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA  
(MOTAC)**

---

**Kepada:**

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia  
No.2, Menara 1, Jalan P5/6  
Presint 5, 62200, Putrajaya

Sesungguhnya saya, .....  
No. Kad Pengenalan .....  
mewakili .....  
(kemudian daripada ini disebut sebagai "Pemohon") beraku janji perkara-perkara  
seperti berikut:

- (1) Mengambil maklum dan memahami syarat-syarat permohonan seperti dinyatakan dalam Garis Panduan- Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) MOTAC Tahun 2022;
- (2) Mengambil maklum dan memahami bahawa pihak MOTAC hanya akan menyediakan jumlah pembiayaan bagi sebarang penganjuran program/ acara berdasarkan keputusan di bawah Jawatankuasa-Jawatankuasa yang dilantik di bawah MOTAC; dan
- (3) Mengambil maklum bahawa baki jumlah kos perbelanjaan bagi tujuan penganjuran program/ acara yang tidak dibiayai oleh MOTAC akan ditanggung oleh pihak pemohon.

**(TANDATANGAN)**

.....

Tarikh:

Cop:



**GERAN PADANAN  
PELANCONGAN, SENI & BUDAYA (GPPSB) 2022**

<b>*No Rujukan Urusetia</b>	<b>TOURISM.400-4/4/7 [       ]</b>
<b>*Tarikh Terimaan Permohonan</b>	

\*Untuk diisi oleh Urusetia

**A. MAKLUMAT PEMOHON**

Nama Syarikat / NGO :

Alamat :

No. Pendaftaran Syarikat & Tarikh  
Pendaftaran Syarikat / NGO :

No. Daftar Cukai :

Nama Pemohon & Jawatan di dalam  
Syarikat / NGO :

No. Tel Pejabat & No. Tel Bimbit :

E-mel :

**B. MAKLUMAT PERMOHONAN**

Nama Program / Acara :

Permohonan Geran	:	<input type="checkbox"/> Pelancongan	
(tanda <input checked="" type="checkbox"/> pilih satu sahaja)	:	<input type="checkbox"/> Seni & Budaya	

Tarikh & Lokasi Penganjuran :

Kos Penganjuran :

Jumlah Permohonan :

Ringkasan Program / Acara :

(boleh dilampikan sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi)

ROI / Faedah (dalam RM) :

*\*Kertas Cadangan Lengkap dan Profil Syarikat termasuk Dokumen pendaftaran sah seperti yang disenaraikan di dalam Garis Panduan perlu disertakan bersama*

**TARIKH AKHIR TERIMA PERMOHONAN**

**Pelancongan : 31 Oktober 2022  
Seni & Budaya : 31 Ogos 2022**

GERAN PADANAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA (GPPSB) 2022  
LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA